

# BEBERAPA FASAL DALAM HUKUM KANUN MELAKA DAN UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA

## FASAL 1 (1.1)

Menjadi satu kesalahan bagi rakyat sekiranya memakai pakaian berwarna kuning, kain kasa dan keris yang berhulukan emas.

## FASAL 3

Antara perkara yang dilarang bagi orang biasa menggunakannya semasa pengebumian, iaitu berpayung, menghambur dirham, menggunakan bantal atau tilam berwarna kuning.

## FASAL 12 (12.1)

Seseorang yang mengganggu isteri orang, dikehendaki menyembah suami perempuan itu di hadapan khalayak ramai. Jika enggan, orang tersebut akan didenda. Jika seseorang mengganggu atau menawari (memikat) anak perempuan orang lain, orang itu akan didenda atau dikahwinkan dengan perempuan tersebut jika ada persetujuan bapa perempuan tersebut. Jika perempuan yang ditawarkan itu seorang hamba, hukumannya hanya denda.

## FASAL 19 (19.1)

Bagi orang menduduki tanah orang lain, sekiranya ada buah-buahan, makan perlulah makan bersama tuan tanah itu. Jika hasil tanaman dijual, maka satu pertiga hasil jualan perlu diserahkan kepada tuan tanah. Jika ada pokok yang ditebang dalam kawasan tanah itu, maka perlu dibayar ganti rugi  $1 \frac{1}{3}$  harga pokok tersebut. Seterusnya, menjadi satu kesalahan jika seseorang pembesar memberikan sesebuah kampung kepada orang lain tanpa pengetahuan raja.

## FASAL 20 (20.1/20.2)

Tanah dibahagikan kepada dua jenis, iaitu tanah hidup dan tanah mati. Tanah hidup bermaksud tanah yang pernah dikerjakan oleh orang. Tanah mati pula ialah tanah hutan dan sebagainya. Orang membuat ladang di tanah hidup boleh didakwa.

## FASAL 21 (21.1)

Tuan punya lembu akan dikenakan denda  $1 \frac{1}{4}$  tahlil jika lembunya yang ditambat di tempat orang lalu lalang, menanduk orang. Tuan punya lembu tidak akan didenda jika lembu yang ditambat di hutan dan menanduk orang.

## FASAL 23 (23.1)

Seseorang dilarang menjual hamba yang asalnya ialah orang yang lapar dan orang yang dalam kesempitan.

## FASAL 29

Antara tugas syahbandar adalah dengan menghukum kesalahan yang berkaitan dengan gantang dan cupak (perniagaan) dan hal-hal yang berlaku pada orang-orang dagang.

## FASAL 31 (31.1)

Jika seseorang itu menjual tanah, jualan itu termasuklah semua kayu-kayan yang terdapat di dalamnya. Bagi tanah huma (padi) yang dijual (tidak membuat perjanjian), hasil pertama huma perlu diberikan kepada tuan tanah lama dan hasil selepasnya milik pembeli tanah tersebut.

## Bab-bab Undang-undang Laut Melaka

### Pelayaran

“... mualim hendaklah sentiasa beringat-ingat semasa pelayaran supaya selamat semuanya dalam pelayaran.” (Bab 9 hlm. 38)

### Peranan Nakhoda

“... perundingan harus dilakukan oleh nakhoda dengan anak-anak kapal dan penumpang sekiranya berlabuh di pelabuhan yang tidak ada dalam senarai persinggahan.” (Bab 20 hlm. 45)

### Jenayah

“Hukuman mencuri dalam perahu. Seorang baik-baik yang mencuri emas atau perak atau barang lain, dihukum menurut hukum negeri.” (Bab 3 hlm. 48)

### Percukaian

“Sesiapa (penumpang) yang ingin turun di tempat yang dijanjikan, maka dia perlu membayar satu persepuluh cukai kepada nakhoda.” (Bab 5 hlm. 36)

#### Sumber:

1. R.O Winstedt dan P.E. De Josselin De Jong, 1954. *The Maritime Laws of Malacca*.
2. Abu Hassan Sham dan Mariyam Salim, 1995. *Sastera Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.